

## **PENGUNAAN KAEDAH “ADK” MENBANTU MURID TAHUN EMPAT UNTUK MENJELASKAN FAKTA KRONOLOGI BAGI PERJALANAN PARAMESWARA DARI PALEMBANG KE MELAKA**

**Ahmad Ashmirul Bin Sebi**

*ashsya143@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Penyelidikan tindakan ini adalah bertujuan untuk membantu murid tahun empat bagi mengingat dan menjelaskan fakta kronologi. Justeru, permasalahan yang berlaku kepada murid tahun empat telah memberi refleksi kepada guru untuk mencari satu inovasi bagi menangani masalah ini. Oleh itu, tajuk kajian tindakan ini adalah penggunaan kaedah “ADK” membantu murid tahun empat untuk menjelaskan fakta kronologi bagi Perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Terdapat dua objektif kajian tindakan ini iaitu penggunaan kaedah “ADK” membantu murid menjelaskan fakta kronologi Perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka dan penggunaan kaedah “ADK” membantu meningkatkan amalan pedagogi guru di bilik darjah. Sehubungan dengan itu, seramai tiga orang peserta kajian yang dipilih berdasarkan kelemahan mereka mengingat dan menjelaskan fakta kronologi. Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan tindakan ini adalah pemerhatian, temu bual, lembaran kerja dan analisis dokumen. Dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan kaedah “ADK” ini dapat membantu murid tahun empat mengingat dan menjelaskan fakta kronologi bagi Perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka dan dapat meningkatkan amalan pedagogi guru di dalam bilik darjah. Kajian ini telah memberi impak yang positif kepada murid tahun empat seterusnya ianya juga dapat membantu memperbaiki amalan pedagogi guru di dalam bilik darjah. Sehubungan dengan itu, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan pada kajian ini adalah kaedah “ADK” boleh dimodifikasi ke dalam bentuk multimedia.

Kata kunci : fakta kronologi, ADK, mengingat, menjelaskan

### **ABSTRACTS**

*The purpose of this action research is to help the year 4 pupils in memorising and explaining the chronological facts. Due to the problems that occurred to the year 4 pupils have reflected on the teacher to find an innovation in order to solve the problem. Therefore, the title of this action research is Using "ADK" method to Help Year 4 Pupils in explaining the Chronological Facts of Parameswara Journey from Palembang to Melaka. This action research based on 2 objectives which are the "ADK" method able to help pupils to explain the chronological facts of Parameswara Journey from Palembang to Melaka and using the "ADK" method helps to improve the practice of teacher teaching pedagogy in the classroom. There are three participants were chosen based on their weaknesses in remembering and explaining the chronological facts. Instruments used in this action research are observations, interviews, worksheets and document analysis. the finding shows that the "ADK" method able to help pupils in memorising and explaining the chronological facts of Parameswara's journey from Palembang to Melaka and able to improve the teacher teaching practice of pedagogy in the classroom. The result gives a positive impact on Year 4 pupils as well as helping the teacher to improve the pedagogical teaching practice in the classroom. The "ADK" method can be improve by using multimedia form in the future*

*Keywords: chronology, ADK, remembering, explaining, Parameswara*

## Pengenalan

Pembelajaran kognitif kebiasaannya berfokuskan kepada penguasaan kemahiran berfikir kanak-kanak. Salah satu komponen kemahiran berfikir adalah proses menjelaskan kembali apa yang telah dipelajari. Lebih-lebih lagi, subjek Sejarah dikatakan subjek yang banyak dengan fakta-faktanya. Ekoran itu, kemahiran kognitif kanak-kanak diberi penekanan agar kemahiran menjelaskan fakta dapat diasuh kepada kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, keupayaan pembelajaran seseorang individu bergantung pada status perkembangan kognitifnya. Menurut Wong Kiet Wah, et.al (2013), Jean Piaget telah mengariskan perkembangan kognitif ini berlaku secara berperingkat-peringkat yang mana tahap perkembangan kognitif kanak-kanak mengikut umur kanak-kanak tersebut. Tambahan pula, setiap tahap perkembangan adalah berkait rapat dengan umur dan mengandungi perbezaan cara berfikir. Justeru itu, cabaran guru sejarah adalah mengasah kognitif murid untuk menjelaskan fakta-fakta penting dalam bentuk kronologi bagi subjek sejarah ini.

Sehubungan dengan itu, bagi membantu murid mengingat dan menjelaskan kronologi perjalanan Parameswara, saya telah mencari satu inovasi dengan menggunakan satu kaedah yang dinamakan kaedah Akronim dalam Kronologi (ADK). Kaedah ini telah tercetus semasa saya menjalani praktikum kedua saya di Sekolah Kebangsaan Ahmad Albab melalui pengajaran topik Parameswara Pengasas Melaka. Maka, di situlah saya telah mengenal pasti kebanyakan murid Tahun Empat Amanah mengalami masalah mengingat dan menjelaskan fakta yang berbentuk kronologi. Lantaran itulah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membantu mereka dalam mengingat dan menjelaskan fakta sejarah. Proses mengenal pasti masalah ini bermula semasa saya mengajar topik ini dengan menggunakan kaedah lakonan, akan tetapi, di situ saya dapati tidak sesuai kepada tahap perkembangan murid Tahun Empat ini.


Pemerhatian secara langsung dilakukan semasa proses PdP saya melalui kaedah inilah telah membantu saya mengenalpasti peserta kajian yang hendak saya kaji. Rajah 1 di bawah menunjukkan data pemerhatian yang saya perolehi melalui nota lapangan. Hasil daripada nota lapangan dalam rajah 1 di atas telah menunjukkan semasa saya menggunakan kaedah lakonan bagi tajuk ini, murid-murid saya sukar untuk memahami dan menguasai sepenuhnya tajuk ini. Mereka masih lagi sukar untuk mengingat dan menjelaskan kronologi perjalanan Parameswara dengan betul.

	<p>Murid masih lagi malu untuk bertakon di hadapan kelas. Mereka masih tidak mahu mengeluarkan suara. Apabila ditegur untuk kuatkan suara, barulah mereka melontarkan suara mereka. Akan tetapi ada juga yang masih lagi tidak mahu melontarkan suara.</p> <p>Apabila diajukan soalan tentang tajuk pelajaran (perjalanan Parameswara ke Melaka), mereka tidak mampu menjelaskan dengan tepat.</p>		
--	--	--	--

Rajah 1 : Nota lapangan pemerhatian di kelas.

Kaedah yang seterusnya yang saya guna dalam pengumpulan data awal ialah analisis dokumen. Hal ini kerana, analisis dokumen ini digunakan sebagai panduan untuk melihat peningkatan penguasaan murid sepanjang saya melaksanakan proses PdP di dalam bilik darjah. Dokumen yang dianalisis adalah lembaran kerja yang

saya berikan kepada mereka. Maka, melalui lembaran kerja inilah dapat menggambarkan masalah yang dialami oleh murid tahun empat. Perkara ini amat membimbangkan saya kerana, selepas saya melihat dan menyemak lembaran kerja yang saya edarkan kepada mereka, saya dapati sebahagian daripada mereka tidak dapat menjawab lembaran kerja tersebut dengan betul. Kebanyakan mereka masih lagi sukar untuk mengingat akan rentetan perjalanan Parameswara. Di samping itu juga, mereka sukar menjelaskan peristiwa sejarah yang berlaku ditempat persinggahan Parameswa yang menyebabkan baginda bersama pengikutnya berpindah ke tempat lain. Kesukaran dan kesalahan murid untuk menjawab soalan yang diberikan telah ditunjukkan pada Rajah 2 di bawah.



Rajah 3 : Hasil kerja murid

Oleh itu, saya cuba mencari inisiatif baru untuk membantu mereka dengan menggunakan kaedah akronim sebagai kaedah pembelajaran seterusnya. Hal ini kerana, menurut Muslizaira et.al (2011), yakni Akronim ialah sesuatu teknik yang dapat membantu pelajar mengingat fakta sejarah yang sukar. Akronim ialah teknik yang terbaharu bagi membantu pelajar menghafal fakta sejarah dengan senang, mudah dan lebih lama. Lantaran itulah, saya telah menggunakan kaedah akronim ini dengan memasukkannya di dalam fakta sejarah yang berbentuk kronologi. Oleh itu, saya telah memperkenalkan kaedah “ADK” ini kepada murid tahun empat bagi membantu mereka dalam pembelajaran topik yang berbentuk kronologi.

### Fokus Kajian

Fokus kajian untuk penyelidikan kajian tindakan saya adalah kesukaran murid tahun empat untuk mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi. Kesukaran ini telah dikesan melalui pengumpulan data awal yang dikutip menggunakan instrumen yang sesuai. Masalah ini jelas ditunjukkan semasa mereka menyiapkan lembaran kerja yang disediakan. Mereka sukar untuk mengingat dan

menjelaskan rentetan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Kebanyakan mereka hanya mampu mengingat tempat perjalanan sahaja, akan tetapi apabila diminta untuk menjelaskan peristiwa di setiap tempat persinggahan Parameswara mereka tidak dapat menjelaskannya. Ekoran itulah menjadi satu tanggungjawab saya selaku guru Sejarah berusaha mencari inisiatif atau inovasi untuk membantu mereka. Oleh itu, inisiatif yang telah saya gunakan untuk membantu mereka adalah menggunakan Kaedah “ADK”.

Sehubungan dengan itu, bagi proses perjalanan penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan Model Penyelidikan Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988). Melalui Model Tindakan ini, saya akan merancang terlebih dahulu yang mana persiapan dan penyediaan BBM akan dilakukan. Dalam masa yang sama, RPH akan saya rancang dengan rapi agar setiap perjalanan dan pelaksanaan kaedah “ADK” ini berjalan dengan lancar. Selepas saya merancang, saya akan bertindak yang mana pengaplikasian kaedah “ADK” ini kepada peserta kajian yang dipilih. Semasa pelaksanaan ini, saya akan menyelitkan juga kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai bagi menyokong penggunaan kaedah “ADK” ini. Semasa proses pelaksanaan kaedah “ADK” berlangsung, ketika itulah saya akan membuat pemerhatian yang mana saya melihat keadaan maklum balas atau respon peserta kajian terhadap kaedah ini. Segala pemerhatian akan dicatatkan di dalam nota lapangan. Maka, dari situlah saya akan melakukan refleksi sama ada keberkesanan dan berjayaanya kaedah “ADK” ini digunakan untuk membantu murid tahun empat dalam mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- a. Membantu murid menjelaskan kronologi peristiwa perjalanan Parameswara dengan menggunakan kaedah “ADK”.
- b. Meningkatkan amalan pedagogi guru dalam mengajar kronologi peristiwa perjalanan Parameswara dengan menggunakan kaedah “ADK”.

### **Soalan Kajian**

- a. Sejauhmana penggunaan kaedah “ADK” membantu murid Tahun Empat menjelaskan kronologi peristiwa perjalanan Parameswara?
- b. Sejauhmana penggunaan kaedah “ADK” dapat membantu meningkatkan pedagogi guru dalam mengajar kronologi peristiwa perjalanan Parameswara?

### **Peserta Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas tiga orang murid Tahun Empat Amanah di Sekolah Kebangsaan Ahmad Albab yang mempunyai masalah dalam mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan ciri- ciri persamaan yang terdapat pada mereka iaitu masalah kesukaran mengingat dan menjelaskan fakta sejarah. Hal ini kerana, Menurut Rosinah Edini (2011) menyatakan pemilihan peserta kajian adalah dipilih secara bertujuan yang mana memerihalkan ciri-ciri responden secara terperinci dari segi bilangan, jantina, nama kelas serta prestasi akademik. Justeru, saya telah memilih ketiga-tiga peserta kajian ini mengikut pencapaian mereka dalam lembaran kerja. Maklumat pemilihan peserta kajian ditunjukkan pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

*Peserta kajian kelas 4 Amanah.*

Nama	Kelas	Masalah	Tahap
Aiman	4 Amanah	sukar mengingat dan menjelaskan fakta	lemah
Amin	4 Amanah	sukar mengingat dan menjelaskan fakta	lemah
Ali	4 Amanah	sukar mengingat dan menjelaskan fakta	lemah

### Tindakan Yang Dijalankan

Model penyelidikan yang saya gunakan sepanjang proses kajian tindakan ini ialah menggunakan Model Penyelidikan Tindakan Kemmis Dan McTaggart (1988) yang mana saya menggunakan lingkaran pertama model ini untuk pelaksanaan kaedah “ADK” kepada murid tahun empat iaitu merancang, bertindak, memerhati dan merefleksi. Justeru, pada peringkat merancang, saya telah membuat satu perancangan dan penyediaan yang rapi untuk menjayakan kaedah “ADK”. Perancangan dan penyediaan yang saya buat adalah dengan menentukan pemilihan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai semasa pelaksanaan nanti. Penyediaan BBM ditunjuk dalam Rajah 4 di bawah.



Rajah 4. BBM pengaplikasian “ADK”

Tambahan pula, faktor pemilihan BBM amat dititikberatkan kerana menurut Abdul Rahman Rashid (1995), menyatakan penggunaan BBM yang sesuai dapat membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap sesuatu topik pelajaran. Bukan itu sahaja, saya juga merancang dan menyediakan satu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang rapi agar perjalanan proses pelaksanaan kaedah “ADK” ini berjalan dengan lancar. Pada peringkat bertindak pula, saya melaksanakan dan mengaplikasikan kaedah “ADK” ini di dalam kelas kepada peserta kajian yang telah dipilih. Segala proses pelaksanaan kaedah “ADK” ini dijalankan mengikut RPH yang saya rancang sebelum ini. Lantaran itu, terdapat dua aktiviti yang dijalankan bagi menilai tahap kefahaman dan keberkesanan kaedah “ADK” ini kepada murid tahun empat iaitu aktiviti “menyusun gerabak kereta api dan kuiz”. Kedua-dua aktiviti ini dijalankan untuk menguji tahap kemampuan mereka mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang membentuk kronologi. Sehubungan dengan itu, pada peringkat memerhati, saya telah menilai penerimaan peserta kajian saya terhadap penggunaan

kaedah “ADK” melalui penglibatan mereka secara aktif sepanjang pelaksanaan kaedah “ADK” ini. Selesai sahaja pelaksanaan kaedah “ADK” ini kepada peserta kajian saya, saya telah membuat refleksi terhadap keberkesanan kaedah “ADK” membantu murid tahun empat mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi serta mampu memperbaiki amalan pedagogi guru.

Sehubungan dengan itu, segala dapatan kajian dikumpul melalui empat instrumen yang saya pilih bagi menjawab kedua-dua persoalan kajian ini. Lantaran itu, instrumen yang saya guna ialah kaedah pemerhatian yang mana segala perlakuan murid dicatat di dalam nota lapangan. Seterusnya, kaedah yang kedua ialah kaedah temu bual yang mana, saya telah menemu bual guru pembimbing dan murid bagi menilai keberkesanan penggunaan kaedah “ADK” ini. Kaedah yang ketiga pula ialah lembaran kerja awal dan akhir yang mana kaedah ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pengaplikasian kaedah “ADK” kepada murid tahun empat selepas pelaksanaan kaedah ini. Kaedah yang terakhir ialah analisis dokumen yang mana gambar-gambar di sepanjang proses pelaksanaan kaedah “ADK” di tangkap untuk melihat penglibatan aktif mereka menjalankan aktiviti. Justeru itulah, keempat-empat instrumen ini telah dipilih bagi mengumpul semua dapatan kajian.

Dalam pada itu, bagi membuktikan kesahihan dan kesahan dapatan kajian, saya telah menyemak hasil dapatan yang dikumpul melalui proses triangulasi. Menurut Chua Yan Piaw (2006) menyatakan kaedah triangulasi boleh dilihat sebagai melihat sebuah arca dari pelbagai sudut yang berbeza untuk mendapat gambaran keseluruhan secara jelas mengenai bentuk arca tersebut. Dengan kata lain, pengkaji akan lebih berasa yakin jika mendapat jawapan lebih dari satu jawapan yang berbeza. Ekoran itu, saya telah membuat triangulasi kesemua hasil dapatan agar data yang diperolehi benar-benar sahih dan tepat. Justeru, saya telah menggunakan dua kaedah triangulasi iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

### **Dapatan Kajian**

#### **Sejauhmana penggunaan kaedah “ADK” membantu murid Tahun Empat menjelaskan kronologi peristiwa perjalanan Parameswara?**

Sehubungan dengan itu, bagi menjawab persoalan satu ini, saya telah menggunakan dua instrumen iaitu lembaran kerja awal dan akhir dan kaedah pemerhatian.

#### **Lembaran kerja awal dan akhir**

Penggunaan lembaran kerja awal dan akhir kepada peserta kajian adalah bertujuan untuk melihat perbandingan antara hasil dapatan selepas saya menjalankan serta mengaplikasikan kaedah “ADK” ini kepada murid tahun empat khususnya peserta kajian. Lantaran itu, lembaran kerja awal telah saya edarkan kepada peserta kajian terlebih dahulu sebelum memulakan sesi pengajaran yang menggunakan kaedah “ADK” ini. Hasil dapatan daripada lembaran kerja awal ini, saya dapati, ketiga-tiga peserta kajian tidak dapat menjawab dengan betul rentetan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka serta menjelaskan setiap peristiwa yang berlaku di tempat persinggahan baginda. Setelah saya mengenal pasti masalah yang sama berlaku ke atas peserta kajian, saya seterusnya menggunakan kaedah “ADK” kepada peserta kajian bagi membantu mereka mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi. Oleh itu, setelah menjalankan kaedah “ADK” kepada peserta


kajian, saya dapati keberkesanan kaedah ini menunjukkan impak yang positif yang mana mereka mampu menjawab kesemua soalan di dalam lembaran kerja akhir yang diedarkan kepada mereka. Maka, melalui lembaran kerja awal dan akhir ini dapat menunjukkan perbezaan dan keberkesanan selepas pengaplikasian kaedah “ADK” bagi pengajaran topik tersebut. Lantaran itu, hasil daripada lembaran kerja dapat dilihat melalui Rajah 5 di bawah



Rajah 5 : Analisis perbandingan hasil dapatan lembaran kerja awal dan akhir

### Pemerhatian

Seterusnya, bagi menyambung kesinambungan untuk menjawab persoalan kajian yang pertama, saya telah menggunakan instrumen yang kedua iaitu kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian ini telah dilakukan dan jalankan sepanjang proses PdP berlangsung. Melalui kaedah pemerhatian ini, saya telah memilih penggunaan nota lapangan untuk mencatat setiap yang berlaku sepanjang proses PdP berlangsung. Lantaran itu, saya menggunakan nota lapangan yang tidak berstruktur untuk membuat catatan pemerhatian. Justeru, hasil dapatan yang diperolehi dari kaedah pemerhatian ini adalah penglibatan aktif peserta kajian saya sepanjang aktiviti yang dijalankan serta kemampuan mereka menjawab kuiz yang telah saya ajukan kepada mereka. Dengan kata lain, penggunaan kaedah “ADK” ini mampu membantu murid tahun empat mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi seterusnya menjawab persoalan satu kajian ini. penglibatan aktif peserta kajian ditunjukkan dalam Rajah 6 di bawah.



Rajah 6 . Nota lapangan penglibatan aktif peserta kajian

## **Sejauhmana penggunaan kaedah “ADK” dapat membantu meningkatkan pedagogi guru dalam mengajar kronologi peristiwa perjalanan Parameswara?**

Bagi menjawab persoalan yang kedua pula, saya telah menggunakan dua instrumen lain iaitu temu bual dan analisis dokumen.

### **Temubual**

Saya telah menggunakan instrumen temu bual untuk mengutip dan mengumpul dapatan kajian bagi menjawab persoalan yang kedua. Hal ini kerana, bagi kaedah temu bual banyak membantu untuk menilai proses PdP yang digunakan di dalam bilik darjah. Setelah mengaplikasikan kaedah “ADK” kepada mereka ternyata peserta kajian berasa seronok dengan penggunaan kaedah ini dan mereka merasa mudah untuk mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi ini. Berikut adalah transkrip temu bual dengan peserta kajian.

- Saya : Adakah anda semua seronok semasa cikgu mengajar hari itu?  
Ali : **Seronok.**  
Amin : **Bestlah** cikgu.  
Aiman : Seronoklah cikgu. Aktiviti yang cikgu buat *best*.  
Saya : Adakah anda semua faham apa yang saya ajar?  
Aiman : Faham cikgu.  
Ali : Saya juga **faham** cikgu.  
Saya : Awak Amin?  
Amin : Saya faham cikgu.  
Saya : Adakah kaedah yang cikgu guna memudahkan kamu?  
Aiman : Ya cikgu. Semua yang cikgu ajar **saya ingat.**  
Ali : Saya juga. Parameswara dari Pelambang ke Temasik. Lepas ke Muar dan akhir sekali baru dia ke Melaka. Betul tak cikgu?  
Saya : Bagus Ali. Tahniah.  
Amin : Cikgu Parameswara apabila dekat Temasik dia bunuh Temagi kan? Saya ingat kalau itu, RAMBUT (Parameswara Bunuh Temagi).  
Saya : Wah, tahniah Amin. Bagus. Kamu semua nak belajar guna kaedah ini lagi?  
Semua : Kami nak cikgu


Dalam pada itu, bagi menambahkan dapatan yang menunjukkan kaedah “ADK” berjaya memperbaiki amalan pedagogi, saya telah menemu bual guru pembimbing untuk menilai dan memberi pandangan terhadap kaedah “ADK” yang saya gunakan bagi topik tersebut. Ternyata, kaedah yang digunakan ini dapat memudahkan murid tahun empat mengingat dan menjelaskan fakta dengan mudah seterusnya ianya menunjukkan kaedah ini mampu memperbaiki amalan pedagogi saya khususnya dalam mengajar tajuk perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Guru pembimbing mengutarakan beberapa tema semasa temu bual seperti bagus, sangat baik dan menarik, berkesan dan murid berjaya menjelaskan fakta. Berikut adalah transkrip temu bual dengan guru pembimbing.



- Saya : Sebentar tadi, cikgu telah melihat saya mengajar tajuk Parameswara ini menggunakan kaedah yang saya namakan "ADK" iaitu Akronim dalam Kronologi. Jadi, macam mana pengajaran saya pada hari ini?
- Guru : Bagus. Pengajaran awak sangat menarik. Saya lihat murid seronok semasa awak mengajar menggunakan akronim tadi.
- Saya : Adakah pengajaran saya berjalan dengan lancar?
- Guru : Ya. Pengajaran awak memenuhi aspek yang diajar dan objektif tercapai.
- Saya : Bagaimana pula dengan kaedah yang saya guna ini?
- Guru : Kaedah ini sangat baik dan menarik. Murid dapat faham dan ingat fakta sejarah dengan mudah..
- Saya : Adakah kaedah ini berkesan?
- Guru : Kaedah yang awak berkesan. saya lihat tadi murid dapat menjelaskan fakta sejarah dengan masa yang singkat.
- Saya : Jadi, apakah penambahbaikan yang saya perlu saya buat untuk memperbaiki amalan pedagogi saya khususnya penggunaan kaedah ini?
- Guru : Semuanya cukup baik. Tapi, bagi saya sekiranya awak menggunakan kaedah ini dalam bentuk multimedia lebih baik. Sebab masa sekarang, murid-murid suka akan media kerana mereka lebih dekat dengan alam digital sekarang.
- Saya : Betul tu cikgu. InsyaAllah saya akan usahakan penggunaan kaedah ini dalam bentuk digital nanti. Terima kasih cikgu. Minta maaf sekali lagi kalau mengganggu masa cikgu.
- Guru : Tak apa. Sama-sama. Cikgu harap kamu berjaya dunia dan akhirat dan menjadi cikgu yang berjaya. Amin.
- Saya : Amin


### **Analisis Dokumen**

Bagi mengukuhkan lagi menjawab persoalan kajian yang kedua adalah melalui instrumen analisis dokumen. Penganalisan hasil dapatan data yang menggunakan analisis dokumen adalah menganalisis segala maklumat yang diperolehi dari tangkapan gambar sepanjang proses PdP saya yang menggunakan dan mengaplikasikan kaedah "ADK" ini kepada peserta kajian. Ini juga merupakan satu lagi kaedah untuk menceritakan amalan pedagogi yang menjalankan kaedah "ADK" ini kepada peserta kajian dengan menangkap gambar sepanjang proses PdP berlangsung. Penangkapan gambar itu bukan sahaja untuk menceritakan perjalanan dan pelaksanaan semata-mata malah ianya adalah untuk menganalisis bagaimana ianya menjawab persoalan yang kedua. Justeru, bagi membuktikan persoalan kedua dapat dijawab adalah melalui penglibatan aktif peserta kajian terhadap semua aktiviti yang dialankan. Oleh itu, ternyata ketiga-tiga peserta kajian berasa seronok dan melibatkan diri secara aktif sepanjang proses PdP berlangsung. Perkara ini telah ditunjukkan pada Rajah 6 di bawah



Rajah 6. Gambar semasa proses pelaksanaan kaedah “ADK”

Selain itu, hasil kerja peserta kajian juga menunjukkan peserta kajian berjaya melengkapkan lembaran kerja bagi menjelaskan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Mereka berjaya memberikan sebab-sebab dan penjelasan tentang lokasi yang disinggahi oleh Parameswara dengan baik. Rajah 7 menunjukkan salah satu daripada hasil kerja peserta kajian selepas pelaksanaan kaedah “ADK”.



Rajah 7. Hasil Kerja Peserta Kajian

### **Refleksi**

Sepanjang tempoh menjalani kajian tindakan, saya telah memperolehi banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu khususnya bagi diri sendiri yang mana meningkatkan kemahiran mengajar murid tahun empat untuk membantu mereka mengingat dan menjelaskan fakta sejarah dengan mudah dan cepat. Dalam pada itu, sepanjang kajian tindakan ini, saya juga telah banyak didedahkan dengan maklumat yang mutakhir dan terkini mengenai kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hakikatnya, bukan mudah bagi seorang guru untuk membantu muridnya untuk mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi dalam jangka masa yang singkat. Lantaran itu, saya berusaha sedaya upaya untuk mencari inisiatif untuk membantu anak murid sehingga mampu mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi.

Sehubungan dengan itu, sepanjang menjalani kajian ini, saya dapat mengenal pasti akan kekuatan dalam penggunaan kaedah “ADK” yang saya aplikasikan kepada peserta kajian saya. Justeru, antara kekuatan yang saya dapati sepanjang penggunaankaedah “ADK” ialah saya boleh lihat dari keberkesannya kepada peserta kajian saya. Kaedah “ADK” yang digunakan ini mampu membantu murid tahun empat khususnya peserta kajian saya mengingat dan menjelaskan fakta sejarah dengan mudah dan cepat. Hal ini kerana, semasa proses PdP berlangsung, mereka mampu menjelaskan segala fakta peristiwa rentetan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Selain itu, kekuatan lain yang dapat saya kenal pasti adalah penglibatan murid sepanjang proses pelaksanaan kaedah ini yang mana penglibatan mereka sangat aktif. Hal ini kerana, bagi saya, segala kaedah dan strategi yang sesuai akan mampu menarik minat murid untuk belajar. Oleh itu, semasa aktiviti dijalankan, saya lihat peserta kajian melibatkan diri secara aktif. Bukan itu sahaja, perasaan seronok mereka juga dapat saya lihat semasa proses PdP berlangsung yang mana mereka seronok bersaing antara satu sama lain khususnya dalam aktiviti kuiz. Oleh itu, dapat saya simpulkan bahawa penggunaan kaedah “ADK” yang saya gunakan mampu menarik minat murid tahun empat untuk mempelajari sejarah khususnya fakta yang berbentuk kronologi.

### **Cadangan Tindakan Susulan**

Sepanjang pelaksanaan inovasi kaedah “ADK” ke atas murid tahun empat iaitu peserta kajian telah mampu membantu mereka mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi khususnya bagi tajuk Parameswara pengasas Melaka. Justeru, saya berpuas hati terhadap penerimaan peserta kajian dalam penggunaan kaedah “ADK” ini untuk memudahkan mereka mengingat dan menjelaskan fakta sejarah yang berbentuk kronologi adalah positif.

Walau bagaimana pun, bagi memantapkan kaedah “ADK” ini pada masa hadapan, saya akan membuat penambahbaikan agar ianya mampu digunakan dengan efisien dan mengikut peredaran zaman. Justeru, bagi penambahbaikan penggunaan kaedah ini, saya akan cuba mengaplikasikan kaedah ini dengan

menggunakan aplikasi teknologi Information and Communication Technology (ICT). Hal ini kerana, penggunaan ICT mudah dihasilkan dan semestinya ianya mengikut peredaran zaman seterusnya merealisasikan impian negara yang ingin melahirkan rakyat Malaysia yang celik *Information Technology (IT)* pada masa kini. Hal ini kerana, kanak-kanak zaman sekarang mereka sudah didedahkan akan penggunaan ICT sejak kecil lagi. Ekoran itu, kita sebagai guru abad ke-21 hendaklah pandai mencari ruang dan peluang untuk memperbaiki amalan pedagogi agar ianya mengikut peredaran zaman dan mengikut keperluan semasa.

### **Rujukan**

- Abdul Rahman Rashid. (1995). Kepentingan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa. *Jurnal Teknologi Pendidikan*. KPM. Kuala Lumpur.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Kemmis, Stephen.(1988). *Action Research in Retrospectan Prospect. In The Action Research Reader*, edited by Stephen Kemmis and Robert M.Taggart Victoria. Australia: Deakin University Press.
- Muslizaira Mustapha, Zuzan Michael Japang, Ruzaini Shamsudin, Nurrulaisyah Baharom (2011). *Penggunaan Akronim untuk Meningkatkan Peningkatan Fakta Sejarah bagi Pelajar Tingkatan Dua. Kajian Tindakan dalam Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wong Kiet Wah, Khairuddin Mohamad, Maridah Alias, Rashinawati Abd. Rashid dan Azlina Ahmad. (2013). *Perkembangan Awal Kanak-Kanak*. Selangor : Oxford Fajar Sdn Bhd.